



KEMENTERIAN KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN
(MINISTRY OF LOCAL GOVERNMENT AND HOUSING)

Tingkat 1, 4 - 6, 10, 15 - 18, Wisma Innoprise,
Jalan Sulaman, Teluk Likas,
88817 Kota Kinabalu, Sabah.
Telefon: 088-328000 Faks: 088-383172/430541
Laman Web: www.sabah.gov.my/mlgh



KKT&P:100-4/22/()

PEKELILING PERKHIDMATAN PIHAK BERKUASA TEMPATAN BIL. 1/2026

**PENETAPAN GAJI PERMULAAN BAGI PELANTIKAN KE DALAM PERKHIDMATAN
PIHAK BERKUASA TEMPATAN TERMASUK PELANTIKAN SECARA TUKAR LANTIK,
PENYERAPAN PEGAWAI BERTARAF SEMENTARA, KONTRAK DAN YANG
MEMPUNYAI PENGALAMAN RELEVAN**

1. TUJUAN

- 1.1 Pekeliling ini bertujuan untuk menambahbaik dasar Penetapan Gaji Permulaan bagi pegawai-pegawai Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) negeri Sabah yang dilantik melalui kaedah berikut:-
 - 1.1.1 Sedang berkhidmat secara sementara atau tetap ditawarkan jawatan dalam skim perkhidmatan yang sama atau berlainan sama ada secara sementara atau tetap;
 - 1.1.2 Pegawai yang telah disahkan dalam perkhidmatan dan dilantik ke jawatan baharu di skim perkhidmatan lain;
 - 1.1.3 Sedang berkhidmat secara sementara diserapkan ke jawatan tetap;
 - 1.1.4 Pernah berkhidmat secara kontrak di sektor Perkhidmatan Pihak Berkuasa Tempatan Sabah dilantik ke jawatan baharu dalam mana-mana Pihak Berkuasa Tempatan di Sabah secara kontrak; dan
 - 1.1.5 Pernah berkhidmat secara kontrak atau mempunyai pengalaman relevan di Sektor Swasta / Badan Berkanun / Perkhidmatan Awam Negeri / Perkhidmatan Awam Persekutuan / Pihak Berkuasa Tempatan luar negeri Sabah yang dilantik ke dalam perkhidmatan Pihak Berkuasa Tempatan Sabah.
- 1.2 Peraturan penetapan gaji ini adalah **tidak terpakai** bagi pegawai yang sedang berkhidmat secara Pekerja Sambilan Harian (PSH).

“SABAH MAJU JAYA”

2. PRINSIP PENETAPAN GAJI

- 2.1 Pegawai yang sedang berkhidmat secara sementara atau tetap yang **belum disahkan** dalam jawatan ditawarkan jawatan dalam Skim Perkhidmatan yang sama atau berlainan secara sementara atau tetap akan ditawarkan gaji berikut:-
 - 2.1.1 Gaji minimum di jawatan baharu sekiranya gaji akhir dalam jawatan terdahulu lebih rendah daripada gaji permulaan dalam gred jawatan baharu.
 - 2.1.2 Sekiranya gaji akhir di jawatan terdahulu adalah lebih tinggi daripada gaji permulaan dalam gred jawatan baharu ditetapkan gaji seperti berikut:-
 - 2.1.2.1 pada amaun gaji akhir yang diterima di gred jawatan terdahulu sekiranya telah menerima kenaikan gaji pada tahun tersebut; atau
 - 2.1.2.2 Diberikan satu (1) Kenaikan Gaji Tahunan (KGT) di gred jawatan asal sekiranya pegawai belum menerima kenaikan gaji pada tahun tersebut.
- 2.2 Pegawai yang **telah disahkan** dalam perkhidmatan dan dilantik ke jawatan baharu di skim perkhidmatan lain akan ditawarkan satu (1) pergerakan gaji tahunan di gred jawatan baharu.
- 2.3 Pegawai bertaraf **sementara** yang **diserap ke jawatan tetap** dalam skim perkhidmatan dan agensi PBT yang sama, akan ditawarkan gaji permulaan mengikut amaun gaji akhir yang diterima sebelum diserap ke jawatan tetap.
- 2.4 Pegawai yang pernah berkhidmat secara **kontrak**, ditawarkan jawatan dalam Skim Perkhidmatan yang sama atau berlainan secara **kontrak** akan ditawarkan gaji berikut:-
 - 2.4.1 Gaji minimum di jawatan baharu sekiranya gaji akhir dalam jawatan terdahulu lebih rendah daripada gaji permulaan dalam gred jawatan baharu.
 - 2.4.2 Sekiranya gaji akhir di jawatan terdahulu adalah lebih tinggi daripada gaji permulaan dalam gred jawatan baharu, akan ditawarkan gaji permulaan mengikut amaun gaji akhir yang diterima sebelum dilantik ke jawatan baharu.

- 2.5 Pegawai yang pernah berkhidmat secara **kontrak** atau mempunyai **pengalaman relevan** di Sektor Swasta / Badan Berkanun / Perkhidmatan Awam Negeri / Perkhidmatan Awam Persekutuan yang dilantik ke dalam perkhidmatan Pihak Berkuasa Tempatan boleh diberi penetapan gaji seperti berikut.

TEMPOH PENGALAMAN RELEVAN	PERGERAKAN GAJI (KGT)
2 tahun atau lebih tetapi kurang daripada 4 tahun	Satu (1) KGT
4 tahun atau lebih tetapi kurang daripada 5 tahun	Dua (2) KGT
6 tahun atau lebih tetapi kurang daripada 8 tahun	Tiga (3) KGT
8 tahun atau lebih tetapi kurang daripada 10 tahun	Empat (4) KGT
10 tahun atau lebih tetapi kurang daripada 12 tahun	Lima (5) KGT
12 tahun atau lebih	Enam (6) KGT

Jadual 1: Penetapan Gaji Mengikut Tempoh Pengalaman Relevan

- 2.5.1 Syarat pertimbangan bagi penetapan gaji berdasarkan pengalaman adalah seperti berikut:-

- (i) Sebab berhenti kerja tidak ada unsur tindakan tatatertib;
- (ii) Senarai tugas terdahulu ada kaitan dengan tugas sekarang;
- (iii) Permohonan hendaklah dibuat melalui ketua jabatan dalam tempoh satu (1) tahun dari tarikh pelantikan; dan
- (iv) Pegawai yang terlibat akan menerima pergerakan gaji secara isyarat sahaja mulai tarikh kuat kuasa penetapan gaji permulaan.

3. TARIKH PERGERAKAN GAJI

Tarikh pergerakan gaji bagi penyerapan ke jawatan tetap di perenggan 3.3 adalah dikekalkan manakala bagi pelantikan di perenggan 3.1, 3.2, 3.4 dan 3.5 tarikh pergerakan gaji ditetapkan mengikut tarikh melapor diri bertugas.

4. PEMAKAIAN

Pekeliling ini hendaklah terpakai kepada semua Majlis Perbandaran, Lembaga Bandaran dan Majlis Daerah di seluruh Sabah.

5. TARIKH KUAT KUASA

Pekeliling Perkhidmatan Pihak Berkuasa Tempatan ini berkuat kuasa mulai dari tarikh pekeling ini dikeluarkan.

6. PEMBATALAN

Dengan kuat kuasanya Pekeliling Perkhidmatan PBT ini, maka Pekeliling Perkhidmatan Pihak Berkuasa Tempatan Bil. 2/2022 adalah dibatalkan.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”



(DATUK JUMAIN ABDUL GHANI)
Setiausaha Tetap
Kementerian Kerajaan Tempatan dan Perumahan
KOTA KINABALU.

Tarikh : 24 AUG 2026